



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

BAYARAN YANG DIBUAT OLEH MOF BAGI PIHAK 1MDB

Kenyataan ini adalah untuk mengesahkan laporan yang diterbitkan hari ini oleh The Wall Street Journal dan Reuters mengenai pembayaran yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia dan Khazanah kepada Kementerian Kewangan, yang kemudiannya digunakan untuk memenuhi obligasi hutang 1MDB.

Seperti yang dikemukakan menerusi siaran akhbar yang dikeluarkan oleh MOF pada 22 Mei 2018, MOF telah membuat pembayaran bagi pihak 1MDB berjumlah RM6,975.14 juta disebabkan ketidakmampuan 1MDB untuk membayar hutangnya. Jumlah ini termasuk pembayaran yang dibuat kepada IPIC sebagai sebahagian daripada perjanjian penyelesaian yang berjumlah RM5.05 billion.

Sumber untuk pembayaran yang dibuat kepada IPIC/Aabar dan bagi pihak 1MDB termasuk:

1. Saham keutamaan kumulatif dan saham keutamaan boleh tebus (Redeemable Cumulative Convertible Preference Shares atau RCCPS) oleh Khazanah Nasional Bhd berjumlah RM1.199 bilion; dan
2. Jualan Lot 41, Seksyen 51 Bandaraya Kuala Lumpur kepada Bank Negara Malaysia berjumlah RM2.066 bilion.

Pada 14 Disember 2017, MOF, melalui syarikat milik secara tidak langsung, Hartanah Mampan Sdn Bhd (HMSB) telah menandatangani Perjanjian Jual Beli (SPA) dengan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menjual sebidang tanah yang terletak bersebelahan dengan Sasana Kijang.

YB Lim Guan Eng
Menteri Kewangan
Putrajaya
24 Mei 2018